

10 OCT 2000

Mahathir-Bosnia

MAHATHIR SAMPAIKAN DERMA UNTUK PELARIAN BOSNIA

Oleh: Wan A. Hulaimi

SARAJEVO, 10 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan cek bernilai DM200,000 (RM432,000) derma dari Malaysia untuk pelarian Bosnia kepada Sebrenica semasa beliau menemui Presiden Bosnia Alija Izetbegovic di kediaman rasminya beliau hari ini.

Sumbangan wang juga akan didermakan bagi pembinaan semula Masjid Bey di sini. Masjid itu yang menjadi marcu tanda terkenal di sini semasa pemerintahan Ottoman menjadi sasaran pengeboman tentera Serb semasa perang.

Pada peringkat kerajaan Malaysia telah berjanji untuk menderma ASD24 juta (RM91.20 Juta) kepada Bosnia yang mana ASD17 juta (RM64.60 juta) telahpun diberikan.

Pada bangunan presiden itu yang juga menempatkan Parlimen, Dr Mahathir juga akan bertemu dengan Mr Zivko Radisic dan Mr Ante Jelavic, dua anggota majlis presiden yang mewakili masyarakat utama lain di sini.

Lawatan Dr Mahathir itu akan membolehkan beliau berbincang secara terus dengan presiden Izetbegovic.

Bangunan Presidensi yang hampir musnah pada satu bahagian telah menjadi simbol ketahanan rakyat Bosnia semasa perang, bangunan itu sedang dibaiki semula dengan dana daripada Kesatuan Eropah.

Di samping menjadi rakan lama kepada Bosnia Herzegovina, Dr Mahathir juga dikenali di sini sebagai penulis buku "new deal za Azijn", terjemahan daripada buku "New Deal for Asia" yang diterbitkan baru-baru ini oleh akhbar Ljiljan.

Dr Mahathir juga akan melawat sekolah rendah Camil Sijaric di Dobrija berhampiran lapangan terbang untuk melihat sekolah itu yang telah dibina semula melalui derama USD1.2 juta (RM4.56 juta) daripada pelajar dan guru Malaysia.

Malaysia adalah satu daripada negara yang terlibat dalam pembinaan semula negara itu, memberikan bantuan dalam pembinaan dan penempatan pelarian di dua kawasan, Neum (di persekutuan Bosnia) dan Sekovici (di Republik Sprska ).

Semasa lawatan setengah hari, dalam perjalanannya pulang ke Malaysia dari United Kingdom minggu lepas Dr Mahathir juga akan melihat pembinaan semula bangunan Austro Hungarian Perpustakaan Negara di Starigrad.

Di sinilah serang Serb menembak mati Archduke Ferdinand yang mengakibatkan Perang Dunia Pertama.

Malaysia adalah satu daripada negara yang terlibat dalam pembinaan semula negara itu, memberikan bantuan dalam pembinaan dan penempatan pelarian di dua kawasan, Neum (di persekutuan Bosnia) dan Sekovici (di Republik Sprska ).

Semasa lawatan setengah hari, dalam perjalanannya pulang ke Malaysia dari United Kingdom minggu lepas Dr Mahathir juga akan melihat pembinaan semula bangunan Austro Hungarian Perpustakaan Negara di Starigrad.

Di sinilah serang Serb menembak mati Archduke Ferdinand yang mengakibatkan Perang Dunia Pertama.

Dr Mahathir akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada pukul 8.45 malam ini (pukul 3.45 pagi waktu Malaysia).

-- BERNAMA

WAH AT AFY RI